


# PUSTAKA MINI

Kotak Comel  
Penghias Kota Iowa



Andai kita menonton filem yang memaparkan kawasan perumahan di Amerika Syarikat, selalunya ada peti surat yang berdiri di atas sebatang tiang – bentuknya seperti sebuWku roti. Sewaktu bersiar-siar di kawasan perumahannya, di bawah teduhan pohon gingko atau mapel, terdapat sebuah kotak kecil yang saiznya lebih besar daripada peti surat itu. Kotak kecil di sekitar kota Iowa ini ada pelbagai warna dan corak. Kesemuanya bertulis ungkapan:

*“LITTLE FREE LIBRARY.ORG – Take a book – Return a book”*


Little Free Library (LFL) atau pustaka mini ini menjadi fenomena penting dalam dunia literasi, khususnya di tempat asalnya, Amerika Syarikat. Idea LFL bermula di Hudson, Wisconsin, apabila Todd Bol membina sebuah kotak kayu kecil lalu dipaccakkan di hadapan rumahnya. Dia berbuat demikian untuk memperingati ibunya, Esther, guru dan pencinta buku. Jiran dan sahabat suka akan idea ini. Mereka pun mula memasang LFL di halaman masing-masing.

Idea Bol ini disambut pula dengan pandangan Rick Brooks, pendidik dalam bidang pembangunan masyarakat dan belia. Apabila disatukan, Bol dan Brooks dapat mencapai gagasan bahawa LFL dapat menyatukan masyarakat kembali. Bagaimana hal ini boleh terjadi?

Setiap kali sebuah LFL didirikan di halaman rumah pemiliknya, pasti ada orang yang singgah dan berlakulah pertemuan di kawasan kejiranan ini. Jiran yang sukar untuk bertegur sapa dalam era ledakan teknologi maklumat ini mempunyai semacam sebab untuk berbual-bual kosong sambil memilih buku di LFL masing-masing.

Akhirnya LFL diwujudkan secara rasminya dan pemilik boleh berdaftar melalui laman <https://littlefreelibrary.org> dan mendapat nombor khas bagi setiap LFL. Sehingga bulan Januari 2016, terdapat lebih daripada 36 ribu buah LFL yang berdaftar di 50 buah negeri di Amerika Syarikat dan di 70 buah negara dunia yang lain, termasuk tiga buah dari Malaysia.

Menurut Karl Koch, pemilik pustaka mini yang disebut sebagai “Linden Tree Library”, dia juga terpanggil untuk membina sebuah LFL setelah mendengar wawancara



Karl Koch di hadapan LFLnya.



Todd Bol.

Bol dalam radio sewaktu dalam perjalanan pulang ke rumahnya. Apabila diceritakan kepada anaknya, masing-masing teruja dan sama-sama mahu membina LFL.

Kawasan rumah Koch, yang disebut sebagai Linden Court,

mempunyai empat buah rumah dan tersusun seperti bulan sabit. Di tengah-tengahnya, ada bulatan kecil dan di atas bulatan itu, terdapat sebatang pohon linden. Pohon nan rendang ini boleh diletakkan buaian dan tentu sekali sesuai juga untuk dipacukkan sebuah LFL, fikir Koch.

Persoalannya, LFL mestilah dibina di atas laman peribadi dan bukannya di kawasan awam. Koch bertanya kepada pihak berkuasa tempatan dan mereka tidak berhalangan jika jirannya tidak membantah idea pembinaan tersebut. Berbekalkan jawapan itu, Koch bertanya kepada ketiga-tiga orang jirannya yang paling hampir. Masing-masing turut teruja dan mahu membantunya membina LFL ini supaya buku ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan oleh komuniti kecil di Linden Court, malah oleh sesiapa sahaja yang singgah di kawasan ini.

Jiran Koch pula pelukis dan dia menyediakan panel lukisan pada bahagian kiri dan kanan kotak pustaka mini itu. Koch membina LFL-nya daripada bahan terbuang

– sebuah almari kecil yang dikutip lalu dibersihkan. Akhirnya ahli kawasan kejiranan Linden Court bersatu membina LFL pertama di kota yang diletakkan di tempat awam.

Sewaktu diwawancara, apakah yang menyeronokkannya sebagai pemilik LFL di kawasan ini? Koch terus menceritakan pengalamannya membina Linden Tree Library sekitar dua hingga tiga tahun yang lalu. Ada pengunjung yang menyumbangkan penanda buku yang dibuat sendiri dan ditinggalkan di dalam sampul surat berserta e-mel. Apabila penanda bukunya habis, Koch menghantar e-mel kepada penyumbang misteri itu. Beberapa hari kemudian, bilangan penanda buku itu akan bertambah.

Kualiti kehidupan kawasan kejirannya juga bertambah kerana masing-masing mengambil inisiatif untuk menjaga harta bersama ini. Interaksi sesama mereka juga bertambah baik dan masing-masing menggunakan LFL sebagai alasan untuk keluar berjual-bual di bawah pokok itu.




Jika tiada sesiapa pun, mereka akan datang untuk melihat buku yang sering sahaja bertukar ganti.

Bagi menambahkan jumlah pengunjung, Koch dan anak lelakinya menanam peranti yang dinamai *geocaching*. Aktiviti yang menjadi kegunaan remaja dan orang ramai, khususnya di Amerika Syarikat, ini telah menjadikan pencarian LFL lebih menyeronokkan. *Geocaching* ibarat pencarian harta karun pada zaman moden. Pemiliknya perlu menanam satu peranti yang mampu dijejak dengan menggunakan GPS. Kita hanya perlu memiliki satu akaun *geocaching* melalui laman *geocaching.com*. Peranti ini boleh disembunyikan dalam pelbagai bentuk – ada yang di atas pokok, di bawah kerusi taman bunga dan sebagainya.

Peranti *geocaching* ini, yang ditanam tidak jauh daripada kotak pustaka mini ini, menjadi tarikan kepada pengguna *geocaching*. Sebagai kesannya, lebih banyak orang yang menjumpai LFL di bawah pokoknya dengan tidak sengaja ketika mereka melakukan aktiviti *geocaching*. Secara tidak langsung, jumlah pengunjungnya juga bertambah, walaupun kedudukan Linden Tree Library agak terlindung dari jalan raya utama.

Koch dan Linden Tree Library merupakan satu daripada puluhan pemilik kotak pustaka mini yang tumbuh merata-rata di kota Iowa. LFL turut dibina di kawasan gereja dan pusat komuniti selain di hadapan rumah pemilik individu. Kotaknya dibina supaya tahan dengan cuaca melampau ketika musim panas dan musim dingin di negeri Iowa.

Kewujudan LFL juga mencerminkan beberapa perkara,



iaitu kadar literasi dan budaya membaca yang amat tinggi, budaya murah hati dan suka memberikan derma (khususnya buku), dan sikap menghormati buku dalam semua keadaan.

Sebelum pulang, penulis bertanya sama ada terdapat percubaan untuk merosakkan kotak pustaka mini ini ataupun tidak. Kata Koch, Iowa City ialah bandar yang selamat. Vandalisme tidak berlaku langsung di sini. Pengguna hanya datang untuk mengambil buku, kemudian memulangkan buku yang sama atau menggantikannya dengan buku lain.

Budaya berkongsi bahan bacaan ini wajar terus dicambahkan lagi. Ada tiga buah LFL di Malaysia – satu di Nilai Impian, satu di Kuala Terengganu, dan satu lagi di Kajang. Bilangan ini boleh ditambah lagi kerana masyarakat Malaysia amat gemar menyumbangkan derma dalam segala segi. Pengurusan LFL yang baik mampu mendatangkan pulangan dalam bentuk kepuasan memberikan dan menambahkan nilai kepada buku dan pemilikinya. **DB**



**LITTLE FREE LIBRARY.ORG** <sup>®</sup>  
TAKE A BOOK • RETURN A BOOK